

## Dalam Negeri

# Gudang runtuh: Perkeso mahu saman majikan


Oleh FITRINIZAM  
fitri.nizam@mediamail.com.my

**PETALING JAYA:** Majikan kepada lima mangsa pekerja asing yang terbabit dalam runtuhan tapak pembinaan sebuah gudang di Batu Maung, dekat Bayan Lepas, Pulau Pinang berdepan tindakan perundangan selepas disyaki tidak mendaftar dan mencarum pekerjaannya dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Perkara itu terbongkar selepas semakan Perkeso mendapati ke-lima-lima mangsa tersebut tidak mempunyai rekod dengan pihaknya sekali gus melanggar Seksyen 6, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar mengesahkan, Perkeso akan mengambil tindakan perundangan terhadap majikan yang bertanggungjawab meng-gaji pekerja asing di tapak projek pembinaan gudang logistik tersebut.

“Kegagalan mendaftarkan dan mencarum pekerja asing boleh didakwa mengikut Seksyen 94, Akta 4 yang membawa hukuman



**PERKESO akan mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan susulan insiden runtuhan tiang rasuk di tapak pembinaan sebuah gudang di Batu Maung, Bayan Lepas, Pulau Pinang, kelmarin.**

denda RM10,000 atau dua tahun penjara, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

“Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana majikan yang culas mendaftar dan membayar caruman pekerja asing, sekali gus menafikan hak perlindungan sosial mereka,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sivakumar berkata, pekerja asing termasuk yang berkhidmat

sebagai buruh di sektor pembinaan diwajibkan untuk mendaftar dan mencarum dengan Perkeso, berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2020.

Berdasarkan perangkaan setakat 31 Oktober lalu, Sivakumar berkata, lebih 1.88 juta pekerja asing dilindungi menurut Skim Perlindungan Bencana Kerja mengikut Akta 4, dengan 4,566 insiden kemalangan membabit-

kan pekerja asing dilaporkan ke Perkeso.

“Bagaimanapun, jumlah liputan caruman bagi pekerja asing berbanding kemasukan tenaga buruh luar ke Malaysia menunjukkan masih ada segelintir majikan yang ingkar dalam mematuhi peruntukan Akta 4,” katanya.

Hasil semakan Kementerian terhadap empat pekerja asing, masing-masing dua yang maut dan dua cedera parah dalam kejadian tersebut didapati mempunyai rekod pendaftaran dengan Perkeso namun tiada caruman sejak diambil bekerja antara 2020 hingga Julai 2023.

Bagaimanapun, seorang lagi pekerja asing yang maut tidak mempunyai rekod pendaftaran dan caruman.

Sehingga kini, Perkeso masih giat menjalankan semakan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh di Malaysia serta agensi berkaitan, mengenai empat lagi pekerja asing yang dilaporkan tertimbus di bawah sepihan runtuhan di lokasi kejadian.